

## SETITIK PENGALAMAN EMAS DALAM NUJ MALAYSIA

Oleh: Datuk Yazid Othman, Presiden NUJ 1984-1988

- i. Saya mula diisytiharkan sebagai Presiden Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia atau National Union of Journalists Malaysia (NUJ) pada tahun 1984 untuk sesi 84/86, setelah penyandang masa itu menarik diri di saat-saat akhir sebelum Pilihanraya NUJ. Saya ditonjolkan untuk melangkah ke NUJ Pusat selepas beberapa bulan saya dipilih menjadi Pengerusi NUJ-UM. Saya sangat seronok dapat bekerja bersama-sama Tan Kin Siang dari Nanyang Siang Pao sebagai Naib Presiden, Bob Teo dari Kumpulan NST sebagai Setiausaha Agung dan B.C Battachargee dari The Star sebagai Penolong Setiausaha Agung, yang amat banyak pengalaman dalam berkesatuan. Kami disambungkan tugas pada penggal ke dua untuk sesi 86/88. Pada tarikh yang hampir sama juga saya dilantik menjadi Presiden Konfederasi Wartawan ASEAN atau Confederation of ASEAN Journalists (CAJ) yang beribupejabat di Jakarta, Indonesia.
- 
- ii. Saya banyak memungut pengalaman dari Ahli-ahli Exco NUJ yang datangnye dari pelbagai akhbar di negara ini, dari pelbagai bahasa, agama dan bangsa, menjadikan NUJ sebagai pusat pengumpulan pelbagai pakar taktik dan teknik serta selok belok berkesatuan dari sudut pandangan kaum wartawan negara ini. Pengalaman saya memimpin NUJ Chapel Utusan Melayu yang mendapat dokongan dan sokongan perjuangan yang tidak berbelah bagi dari rakan sepejuangan seperti antaranya Abdullah Tahir, Norila Daud, Hayat Sueet, Norbaya Musa dan lain-lain merupakan bekalan saya untuk memimpin NUJ Pusat. Abdullah Tahir dan diikuti oleh Norila Daud menggantikan saya menjadi Presiden NUJ Pusat dan Hayat Sueet menjadi Bendaharinya. Manakala Norbaya Musa menjadi Setiausaha Agung pertama bila kami membentuk Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) pada tahun 1989.
  - iii. Kekuatan jitu kami masa ini ialah perpaduan yang erat antara semua tenaga kepimpinan di kalangan jawatankuasa pusat, yang mewakili setiap kesatuan di semua media di Malaysia, kerana itulah kami berjaya menambahbaikkan suasana tempat bertugas dan penambahan faedah-faedah perkhidmatan melalui rundingan-rundingan dan berinteraksi dengan majikan – majikan tempat kira-kira 1,600 ( pada masa itu ) ahli-ahli kami bertugas.
  - iv. Pencapaian kenaikan gaji terbesar dalam sejarah NUJ ialah kejayaan kami menaikkan gaji wartawan (ahli NUJ) di Kumpulan Utusan Melayu sebanyak 39%, setelah tuntutan CA baru berjaya dicapai dengan tunggakan tiga tahun, rekod tertinggi ini tidak dipecahkan lagi hingga ke hari ini.
  - v. Kenaikan ini adalah wajar kerana kedudukan gaji wartawan Utusan Melayu masa itu berada di tempat ketujuh di belakang gaji para wartawan di akhbar-akhbar lain di Malaysia.

- vi. Dalam bidang profesionalisme kewartawanan pula kami telah berhempas pulas berjuang mempertahankan maruahnya profesionalisma journalisme dan telah mencipta sejarah bagi kaum wartawan tanahair ini dengan mencapai 'separuh kemenangan' dalam menentang pindaan Akta Rahsia Rasmi atau OSA yang diwarisi dari zaman penjajah British untuk dipinda menjadi lebih ketat dan mengongkong kebebasan akhbar, kebebasan mendapat maklumat dan kebebasan bersuara di negara ini. Yang menjadi tumpuan kami ialah pindaan –pindaan yang dicadangkan untuk pindaan itu akan mengongkong kebebasan wartawan , yang dibentangkan oleh Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat pada 13 Mac 1986 untuk bacaan kali pertama, dan 20 April 1986 dijangka bacaan kali ke dua dan akan terus diluluskan di Parlimen.
- vii. Kami isytiharkan menentang dan bantahan cadangan pindaan itu secara rasmi pada 14 Mac 1986 dengan moto " Don't jail journalists" . Perkataan ini saya sesuaikan dengan motto perjuangan wartawan Filipina yang memakai jaket bertulis "Don't kill journalists" dalam perhimpunan bagi membantah pembunuhan 10 orang wartawan di Bagio City di zaman Ferdinand Marcos memerintah Filipina. Saya mewakili CAJ dalam perhimpunan tersebut dan pada masa itu saya memegang jawatan Naib Presiden CAJ.
- viii. Bantahan kami terhadap cadangan pindaan OSA oleh Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr Mahathir Mohammad ini bermula dengan sidang akhbar ( press conference ) yang diadakan di pejabat NUJ jam 10.00 pagi 14 Mac 1986 khusus untuk melancarkan kempen penentangan rasmi kami ke seluruh Negara. Kempen ini mendapat sokongan sebahagian besar badan-badan NGO dan parti-parti politik pembangkang tanahair terutama badan-badan wartawan antarabangsa termasuk CAJ dan IFJ. NUJ melakukan 'roadshow' bersama-sama tokoh-tokoh politik pembangkang dan NGO ke seluruh negara . Ahli-ahli kami termasuk pemberita di seluruh negara memakai batch /lencana 'don't jail journalists' di dada atau mengantungkan di leher masing-masing semasa bertugas. Mereka juga membuat rayuan kepada pemimpin-pemimpin politik di setiap negeri di tempat mereka bertugas, agar memberi pandangan kepada Perdana Menteri agar menimbang semula rayuan NUJ yang tidak mahu kebebasan akhbar di negara ini disekat dan kongkong secara total dengan "mandatory jail".
- ix. Pemimpin NUJ dan ahli-ahli kami mengutip tandatangan orang ramai, di pasar-pasar malam, coffee house, di lobi-lobi hotel, di perhentian-perhentian bas, dan di tepi-tepi jalan serta pada masa yang sama membahagikan poskad bertulis ' Don't Jail Journalists' dengan tentara gambar tiga ekor beruk, yang masing-masing menutup mulut, telinga dan mata untuk diposkan kepada Perdana Menteri.
- x. Kami berjaya mengumpul tidak kurang 150,000 tandatangan orang ramai setiap bulan bermula 14 Mac 1985 hingga 6 Disember 1985 yang menentang cadangan Pindaan OSA ini. Hal ini menjadi semarak seperti api memakan daun kering, kian sehari semakin besar sokongan yang kami terima dan mengakibatkan peperangan mulut berlaku melalui kenyataan akhbar antara saya dengan Dato' Seri Dr Mahathir Mohammad yang mengkritik penentangan NUJ itu .

- xi. Sebahagian besar Ahli Parlimen, termasuk Menteri dan Timbalan-timbalan Menteri telah bersimpati dengan rayuan NUJ untuk dikaji semula cadangan Pindaan OSA ini, kecuali Tengku Razaleigh Hamzah dan Rafidah Aziz sahaja yang enggan mendengar rayuan kami.
- xii. Cadangan Pindaan OSA ini sekiranya dilaksanakan sepenuhnya, maka wartawan atau pemberita tidak langsung boleh menulis atau memaparkan sebarang maklumat dari kerajaan atau jabatan-jabatan kerajaan, walaupun hanya menyiarkan harga permaidani (karpet) di bilik menteri atau jumlah harga perbelanjaan minum the di pejabat – pejabat menteri atau ketua-ketua jabatan kerajaan, kerana orang yang menyiarkan itu boleh dikenakan penjara mandatori 12 tahun.
- xiii. Perdana Menteri menghantar ‘orang tengah’ dari Bukit Aman untuk menyelesaikan penentangan NUJ terhadap cadangan Pindaan OSA oleh Perdana Menteri ini. Setiap kali kami menyuarakan pandangan kepada ‘orang tengah’ ini Perdana Menteri Dr. Mahathir memotong satu demi satu dari tujuh kategori rahsia ( yang dicadangkan dalam cadangan Pindaan OSA itu ) yang dikira boleh mengongkong dan menghadkan kebebasan akhbar dan kebebasan menyiarkan maklumat secara langsung.
- xiv. Dr. Mahathir hanya bersetuju memotong empat kategori ‘rahsia’ yang kami tentang dan mengekalkan tiga lagi, yang terkandung dalamnya rahsia pertahanan negara dan rahsia penting kerajaan, kata ‘orang tengah’ . Orang Tengah itu memberitahu lagi, sekiranya NUJ masih mahu menentang, kerajaan tetap tidak berganjak lagi, kata perunding itu, sambil mendesak kami menerima tolak ansur ini, “ inilah tolak ansur Perdana Mentei yang terbaik”, katanya.
- xv. Setelah berunding dengan kawan-kawan pimpinan NUJ, saya menyatakan kepada perunding Bukit Aman itu, kami hanya boleh berhenti berkempen menentang Pindaan OSA, tetapi kami tetap tidak bersetuju dengan pindaan ini. Ertinya kami terima sebagai ‘under protest’ dan perunding itu melaporkan Dr. Mahathir bersetuju dengan pendirian tegas kami itu. Dan esoknya pada 6 Disember 1986 cadangan Pindaan OSA dibacakan kali ke dua di Parlimen dengan Pindaan baru, dan diluluskan.
- xvi. Ertinya 8 bulan cadangan Pindaan tertangguh dari diluluskan di Parlimen Malaysia, dan akhirnya diluluskan dengan pindaan-pindaan dari cadangan kami kerana sebahagiannya ( iaitu empat dari tujuh kategori rahsia itu ) telah berjaya kami kurangkan namun kami masih gelarkan ia sebagai separuh berjaya atau ‘separuh menang’ kerana tiga kategori yang berbaki itu masih tetap berbahaya kepada wartawan dengan mengekalkan Penjara Mandatori oleh mahkamah apabila wartawan yang menulis itu didapati ‘ada kes’ oleh mahkamah dan hakim tidak ada pilihan lain selain daripada melaksanakan penjara mandatori selama 12 tahun terhadap pelanggar OSA.
- xvii. (Kisah perjuangan menentang Pindaan OSA oleh NUJ ini menjadi Kajian Ilmiah Norbayah binti Musa, Mahasiswa Jabatan Pengajian Media Universiti Malaya, bertajuk ‘Cabaran Dunia Kewartawanan di Malaysia: Kes Kajian Pindaan Akta Rahsia Rasmi 1986’ dan beliau berjaya mendapat Ijazah Sarjana ( M.A) Pengajian Media Universiti Malaya tahun

2006. Boleh lihat rujukannya di Perpustakaan Jabatan Pengajian Media – UM dan Perpustakaan Besar Universiti Malaya ).

- xviii. Selain itu, kenangan manis pula ialah bila kami berjaya mengadakan 'World Press Convention' (WPC) di Hotel Merlin di ibukota Kuala Lumpur pada tahun 1985, yang disertai oleh lebih 25 buah organisasi wartawan dari seluruh dunia termasuk Konfederasi Wartawan ASEAN (CAJ), International Federation of Journalists (IFJ), International Organization of Journalists (IOJ) dari blok Negara-negara Sosialis, NUJ London, Federation of Arab Journalists (FAJ) dan lain-lain.
- xix. Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr Mahathir Mohammad berucap dan merasmikan WPC ini. Sementara Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Musa Hitam tampil merasmikan ASEAN Press Photo Awards sempena WPC ini pada hari ke dua. Pada akhir WPC dari 16 – 19 September 1985 ini, saya diumumkan untuk memegang jawatan Presiden CAJ bagi sesi 1985-87.
- xx. Sebenarnya, semasa saya sedang berjuang untuk kebebasan wartawan di peringkat NUJ Kebangsaan, Syarikat Akhbar di tempat saya berkerja untuk saraan hidup keluarga tidak henti-henti berusaha untuk menghancurkan kesatuan wartawan yang saya pimpin di peringkat cawangan syarikat akhbar itu dan juga kedudukan saya sebagai Presiden NUJ Kebangsaan.
- xxi. Ini senang difahami sebabnya...Inilah harga yang saya terima selepas begitu keras berjuang mendapatkan gaji baru untuk wartawan di tempat saya berkerja. Tentulah ada pegawai di pihak majikan yang tersinggung semasa rundingan kenaikan gaji itu, tentulah tidak boleh dielakkan. Saya redha atas perkara ini kerana inilah hadiah dari sebuah perjuangan. Usaha menyingkirkan saya oleh seorang Pegawai Kanan Kumpulan Akhbar tempat saya bertugas itu berterusan hingga kemuncaknya saya dibuang kerja dan NUJ Kebangsaan membawa majikan ini ke mahkamah.
- xxii. Siri perbicaraan di mahkamah memakan masa empat tahun dan akhirnya memberi kemenangan kepada NUJ dan Mahkamah perintahkan Syarikat berkenan membayar balik gaji saya yang tertangguh dan mengambil semula berkerja.

Salam perjuangan buat seluruh anggota kepimpinan NUJ serta ahli-ahli sekalian. " Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh".

Salam dari saya,

**Yazid Othman**

No.11, Jalan SG8/12, Puncak Gombak  
Batu Caves, Selangor